

**MB ketua pelantikan Ahli Dewan Diraja SelangorMalaysiakini.com
Disember 1, 2010**

Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah, hari ini berkenan melantik Ahli Dewan Diraja Selangor pada satu istiadat di Balairong Seri Istana Alam Shah, di Shah Alam.

Pelantikan mereka berkuatkuasa mulai hari ini sehingga 30 November 2013.

sultan selangor and selangor state excoTiga Ahli Ex-Officio Dewan Diraja Selangor yang menerima watakah pelantikan ialah Menteri Besar, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim; Pengerusi Majlis Agama Islam Selangor, Datuk Mohamad Adzib Mohd Isa dan Mufti Selangor, Datuk Mohd Tamyas Abdul Wahid.

Empat ahli dari waris yang lain, lima Orang-Orang Besar dan enam Orang Tua-Tua turut menerima watakah pelantikan dan mengangkat sumpah sebagai Ahli Dewan Diraja Selangor.

Empat ahli waris itu ialah Tengku Aris, Temenggong Selangor, Tengku Muhamad Yusof Shah, Tengku Panglima Diraja Selangor, Tengku Sulaiman Shah, Tengku Indera Setia Selangor, Tengku Ahmad Shah dan Tengku Besar Putra Selangor, Tengku Ismail Shah.

Antara Orang-Orang Besar itu termasuk Tengku Seri Wangsa Diraja Tengku Datuk Setia Ramli Tengku Shahrudin Shah, Engku Setia Lela Bestari Raja Tan Sri Arshad Raja Tun Uda dan Tengku Indera Pahlawan Diraja Tengku Datuk Paduka Putra Tengku Azman Shah.

Bagi Orang Tua-Tua pula termasuk Datuk Setia Abdul Halim Abdul Rauf dan Tan Sri Ambrin Buang.

- Bernama

Copyright © 1999-2007 Mkini Dotcom Sdn. Bhd.
Source : <http://www.malaysiakini.com/news/149689>